

BAB III

PUNCA TERJADINYA PENYAKIT SOSIAL DAN KRISIS MORAL DALAM MASYARAKAT

3.1 Pengenalan

Dalam menangani pelbagai krisis moral dan penyakit sosial kebelakangan ini, banyak formula-formula dan ubat yang ditawarkan yang dikatakan mampu untuk membendung dan mengubati gejala ini. Akan tetapi, sebenarnya tanpa mengetahui punca sebenar kepada penyebab terjadinya krisis moral dan penyakit sosial ini, maka segala formula serta ubat yang ditawarkan tidak akan berkesan untuk menangani permasalahan ini.

Pada bab ini akan dibahaskan punca terjadinya krisis moral dan penyakit sosial dalam masyarakat hari ini. Dengan mengetahui punca sebenar yang menjadi penyebab kepada berlakunya hal ini, maka barulah jalan keluar sebenar serta ubat yang dapat membendung dan mengubati penyakit ini dapat ditemukan.

3.2 Berlakunya Krisis Nilai Dalam Masyarakat

Kehidupan ummat di zaman ini jauh lebih maju jika dibandingkan dengan masa lampau, sama ada dari segi pembangunan, ekonomi, komunikasi, pendidikan dan di bidang lainnya. Namun semakin jauh mereka melangkah semakin banyak

nikmat yang diberi, makin ramai pula ummat zaman ini yang tidak pandai bersyukur malah lari dari ketentuan Allah SWT.

Apabila diperhatikan lingkungan dan masyarakat moden hari ini, maka kita akan dapati bahawa mereka sedang menghadapi beberapa krisis nilai dalam kehidupannya¹. Di antara beberapa krisis nilai yang sedang dihadapi ummat pada saat ini adalah :

3.2.1 Krisis Rohaniah (Iman)

Umat Islam yang hidup pada zaman moden hari ini telah mengalami krisis rohaniah, iaitu terjadinya kekurangan nilai rohani (iman) dalam diri seseorang. Secara umumnya krisis ini dapat dilihat bahawa ianya berpunca dari kecenderungan manusia memburu materi atau kebendaan semata-mata dan sekaligus akan menjadi titik permulaan terjadinya pelanggaran aqidah, pelanggaran hukum dan undang-undang Allah SWT.

Iman adalah laksana nyawa dalam tubuh manusia, apabila seseorang masih bernyawa maka disebut hidup, dan kalau tidak bernyawa lagi bererti sudah mati. Begitu jugalah dengan iman, apabila iman masih ada, Islamnya masih hidup, tetapi kalau imannya sudah rosak atau mati maka mati pulalah Islamnya.

Iman itu apabila dipraktikkan dalam segala aspek kehidupan akan dapat membentuk masyarakat yang seimbang, mempunyai solidariti, dinamik dan penuh komunikatif, kerana makna iman adalah sesuatu keyakinan yang hakiki bahawa kewujudan Allah SWT itu tidak mengenal tempat dan waktu, sama ada di tempat

¹ Drs. Zulfan Nasution (1996). *Menangani Masalah Remaja Muslim*. Al-Hidayah Publisher Kuala Lumpur h.59

sunyi atau ramai, siang atau malam. Apapun yang dilakukan dengan suatu keyakinan bahawa segala perbuatan tersebut dilihat dan diketahui Allah SWT. Sehingga dalam prinsipnya segala yang dilakukan dengan satu keyakinan bahawa Allah SWT akan dapat mengawasi segala gerak dan tingkah laku kita di mana jua kita berada. Itu membuktikan dengan keimanan kita kepada Allah SWT sama ada secara sedar atau tidak akan membentuk keharmonian masyarakat baik individu mahupun kelompok.

Dalam konsep insan beriman, seseorang tidak akan membiarkan saudaranya terjerumus ke dalam jurang kesesatan, apatah lagi seorang muslim mencoba mengkhianati, memfitnah dan memusuhi sesama sendiri. Ada beberapa faktor yang dapat menghancurkan iman manusia kepada Allah SWT dan juga akan menghilangkan martabat manusia sama ada di sisi Allah SWT dan manusia². Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengikut hawa nafsu
2. Kikir yang melampaui batas, dan
3. Mengkagumi diri sendiri.

a. Mengikut hawa nafsu.

Ada dua hal yang selalu kontradiksi di dalam tubuh manusia iaitu antara nafsu dan iman. Apabila nafsu dapat menguasai manusia, itu bererti bahawa manusia tersebut akan lebih cenderung kepada dunia dengan segala kesenangan dan kemewahannya. Akan tetapi apabila manusia mampu meletakkan iman di atas nafsu atau mengalahkan nafsu dengan kekuatan iman, maka manusia itu akan

² Dr. Muhammad al-Ghazālī (1988). *Khutbah Pilihan Muhammad al-Ghazālī*. (Terj.) Drs. Ibnu Abdullah Saleh. Bandung: Gema Risalah Press h.68

dekat kepada Allah SWT dan kehidupannya akan sakinah, serta mendapat *sa'ādah* di dunia dan akhirat.

Nafsu adalah musuh utama ummat Islam. Dalam sejarah tercatat, bahawa ketika tentara Islam pulang dari perang *Badr* Rasulullah Saw berkata bahawa mereka baru kembali dari peperangan kecil menuju perang yang lebih besar, iaitu perang melawan hawa nafsu, kerana kata Rasulullah Saw manusia adalah benda jasad dan makhluk kasar yang apabila dia menyerang dapat dilihat dengan mata kepala dan kita boleh menghindar seketika itu juga agar tidak kena serangan, tetapi kalau hawa nafsu sifatnya abstrak (halus) tidak dapat diraba dengan tangan dan tidak dapat dilihat dengan mata, tetapi tindakannya lebih kejam daripada senjata³.

b. Kikir yang melampaui batas.

Orang yang bakhil/kikir ini hidupnya materialistik, tidak boleh kurang hartanya dan mengambil harta semahunya tanpa memikirkan tanggung jawabnya. Manusia yang mempunyai sifat ini tidak mempunyai pertimbangan untuk menolong orang lain kerana takut akan kehilangan hartanya. Kikir kepada manusia akan menyebabkan seseorang itu tidak ada rasa simpati antara sesamanya, tidak tergerak hatinya untuk menolong sesamanya yang memerlukan pertolongan. Sifat kikir pula akan menyebabkan seseorang itu tidak mahu beribadah dan menghambakan diri kepada dunia untuk mengejar segala kesenangannya, kerana beribadah akan mengurangkan masa mereka untuk mengejar kebendaan. Sifat ini akan membinasakan iman manusia.

³ H.Salim Bahreisy, (1980). Sejarah Hidup Nabi-Nabi. Surabaya : PT. Bina Ilmu h.462

c. Mengkagumi diri sendiri.

Apabila sifat ini dimiliki oleh seseorang maka dia akan merasa dialah yang terpandai tetapi sebenarnya buta hukum, merasa orang yang paling terhormat tetapi tidak punya harga diri, merasa seperti pemimpin tetapi tidak punya kedudukan, sehingga pada saat itu dia akan disinggahi sifat angkuh, sombong dan membesarkan diri dan merasa dialah segalanya. Sifat seperti ini kata Rasulullah Saw akan menghancurkan martabat manusia dan menggoyahkan imannya.

Apabila kita perhatikan fenomena penyakit sosial dan krisis moral yang berlaku saat ini, dapatlah kita melihat bahawa krisis iman yang menjangkiti manusia saat ini sudah mencapai tahap kritikal. Manusia abad ini seakan-akan sudah tidak mempunyai rasa takut kepada Allah SWT dan tanpa segan silu melanggar syariat Allah SWT. Semakin jauh manusia daripada perasaan takut pada Allah SWT, maka semakin berani manusia itu melanggar peraturan-peraturan Allah SWT, kerana itulah penyakit sosial dan krisis moral semakin bermaharajalela.

Krisis iman ini terjadi kerana seseorang itu sememangnya mempunyai asas pendidikan agama yang tidak cukup semenjak dari kecil lagi, hal ini dijelaskan oleh Ustaz Ahmad Shukri Yusoff ketua unit Syariah & Penerangan Khas, Pusat Pungutan Zakat, Wilayah Persekutuan⁴. Menurut beliau sesetengah ibu bapa memberikan pendidikan agama yang asas pada anak-anak mereka seperti shalat, puasa dan dapat membezakan halal dan haram. Namun ini tidaklah cukup untuk memantapkan iman mereka jika tidak terus dipupuk dengan didikan agama yang

⁴ Ahmad Shukri Yusoff.(2004) *Asas Didikan Agama Tidak Cukup*. Majalah Wanita Januari 2004.

lebih mendalam untuk memantapkan iman mereka. Iman yang tidak mantap inilah yang mudah terombang-ambing sehingga terjadi krisis iman yang merupakan salah satu punca berlakunya penyakit sosial dan krisis moral.

3.2.2 Krisis Ibadah.

Iman yang sudah mula dikuasai nafsu akan menyebabkan keyakinan terhadap Allah SWT mula berkurang, dan apabila keyakinan kepada Allah SWT sudah mula berkurang, maka ketaatan kepada suruhan Allah SWT juga akan berkurang dan pada akhirnya boleh melahirkan individu-individu yang tidak menghargai syariat Allah SWT dan tidak mengenal erti ibadah.

Matlamat hidup manusia di atas dunia ini adalah semata-mata untuk menyembah dan memperhambakan diri kepada Allah SWT sebagai Khaliq yang menciptakan seluruh alam. Sebagai tanda syukur dan terima kasih sebagai makhluk ciptaannya yang telah menerima nikmat dan kurnia dari Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Zāriyāt* ayat 56 :

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)

Ertinya : Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.

Terjemahan Surah *al-Zāriyāt*(51):56

Secara etimologi ibadah ertinya tunduk, patuh dan berserah diri secara keseluruhan kepada Allah SWT. Sedangkan secara terminologi pula *ta'rif ibadah*

adalah segala perbuatan yang mencakupi segala yang dicintai dan dirodhai Allah SWT daripada ucapan-ucapan dengan kerja-kerja zahir dan bathin⁵.

Beribadah bererti mempersembahkan diri kepada Allah SWT secara keseluruhan. Menghambakan diri kepada Allah SWT bererti taat kepada perintahNya dan meniggalkan segala laranganNya dengan penuh keikhlasan. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hijr* ayat 99 :

وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ (٩٩)

Ertinya : Dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu (perkara yang tetap) yakin. Terjemahan Surah al-Hijr(15):99

Zaman yang telah berada di abad 21 ini memberi perubahan kepada peradaban, budaya dan cara hidup masyarakat saat ini. Kesan daripada ledakan teknologi canggih kian menghakis ketauhidan masyarakat moden terhadap agama. Hakikat ini mencetus pelbagai permasalahan yang ketara di dalam lingkungan dan budaya masyarakat itu sendiri.

Ini bukan sahaja mengabaikan kewajiban asas terhadap agamanya dan ibadah kepada khaliqnya malah ketahanan untuk mengekang diri dari gejala mungkar begitu lemah. Jika kita teliti di dalam ayat-ayat al-Qur'an terdapat sekurang-kurangnya 5 (lima) faktor yang menjadi sebab kepada keingkaran manusia kepada Allah SWT⁶.

⁵ Al-Ghazālī (1982). *Bimbingan Permulaan Mencapai Hidayah*. (Terj.) H.N As'ad al-Hafidy. Surabaya PT.Bina Ilmu h.12

⁶ Drs.Ahmad Yani (1997). *Faktor Penyebab Kemungkaran Manusia*. Lembaga Pengkajian Dan Pengembangan Da'wah.Khairu Ummah Jakarta h.63

Pertama : Memiliki ilmu yang dikendalikan oleh hawa nafsu, sehingga ilmu yang dimilikinya tidak membuatnya semakin tawadhu atau rendah hati malah semakin sombong. Ilmu itu bukan digunakan untuk memperkuat iman dan memperbanyak amal salehnya malah membawanya kepada kesesatan

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Jāhiyah* ayat 23 :

أَفَرَأَيْتَ مَنْ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ
عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشَاوَةً فَمَنْ يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ (٢٣)

Ertinya : Dengan yang demikian, bagaimana fikiranMu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya : tuhan yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah karena diketahuinya (bahwa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya, maka siapakah lagi yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan dia berkeadaan demikian ?) oleh itu, mengapa kamu (wahai orang-orang yang ingkar) tidak ingat dan insaf?

Terjemahan Surah al-Jāhiyah(45):23

Kedua : Yang menjadi faktor keingkaran manusia kepada Allah SWT adalah adanya kesombongan di dalam hatinya yang kemudiannya terpancar di dalam sikap, ucapan dan perilakunya. Sifat ini merupakan warisan daripada iblis yang menyombongkan diri kepada Nabi Adam as sehingga dia tidak mahu memenuhi perintah Allah SWT untuk sujud atau hormat kepada Nabi Adam as. Kesombongan akan membuat manusia menolak kebenaran yang datang daripada Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Naml* ayat 14 :

وَحَدِّثُوا بِهَا وَاسْتَفْتِيهَا أَنْفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ

Ertinya : Dan mereka mengingkarinya secara zalim dan sombong angkuh sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan.

Terjemahan Surah al-Naml(27):14

*Ketiga : Yang menjadi sebab manusia ingkar kepada Allah SWT adalah kerana tidak menyedari kebodohnya. Bodoh dalam ertian bukan hanya tidak mempunyai ilmu, tetapi juga tidak memanfaatkan ilmu itu untuk sesuatu yang baik dan benar. Mereka disebut bodoh kerana mereka sudah mengenal Allah SWT, tahu akan perintah dan laranganNya mengerti hukum dan undang-undang yang datang daripada Allah SWT, bahkan orang-orang yang beriman dengan membuktikan konsekunsi keimanannya mereka anggap sebagai orang-orang yang bodoh, padahal sebenarnya merekalah yang bodoh namun perkara inilah yang tidak mereka sedari. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Baqarah* ayat 13 :*

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ

السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ (١٣)

Ertinya : Dan apabila dikatakan kepada mereka : “berimanlah kamu sebagai mana orang-orang itu telah beriman”. Mereka menjawab : “Patutkah kami ini beriman sebagai mana berimannya orang-orang bodoh itu ?”. ketahuilah ! Sesungguhnya merekalah orang-orang yang bodoh tetapi mereka tidak mengetahuinya (hakikat yang sebenarnya).

Terjemahan Surah al-Baqarah(2):13

Keempat : Yang membuat orang mengingkari ajaran Islam dan enggan beribadah adalah kerana memiliki perasaan buruk sangka yang berlebihan. Abu Jahal dan Abu lahab yang mengingkari da'wah Nabi Muhammad Saw adalah hanya kerana Nabi Saw anak buah mereka. Mereka khawatir kalau menjadi pengikut Nabi Muhammad Saw, kedudukannya yang sudah mantap di tengah-tengah masyarakat akan tergeser. Bahkan buruk sangka mereka bukan terbatas pada itu sahaja, mereka juga khawatir kalau mereka akan diusir dari tanah leluhurnya itu, padahal yang sebenarnya mereka tahu kalau Islam bukanlah demikian. Buruk sangka mereka yang berlebihan itu dikemukakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'ān surah *al-Qasas* ayat 57 :

وَقَالُوا إِن تَتَّبِعِ الْهُدَىٰ مَعَكَ تَخْطِفُ مِنَّا أَرْضَنَا أَوْ لَمْ تُنْكِن لَّهُمْ حَرَمًا آمِنًا
يُحْيِي إِلَيْهِ ثَمَرَاتُ كُلِّ شَيْءٍ رِّزْقًا مِن لَّدُنَّا وَلَكِنْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ (٥٧)

Ertinya : Dan mereka (yang kafir) berkata : “Kalau kami menyertai menurut petunjuk yang engkau bawa itu, niscaya kami dengan serta merta ditangkap dan diusir dari negeri kami (oleh golongan yang menentang)”. Mengapa mereka (berkata demikian) ? Bukankah kami telah melindungi mereka dan menjadikan (negeri Makkah) tempat tinggal mereka sebagai tanah suci yang aman, yang dibawa kepadanya hasil tanaman dari segala jenis, sebagai rizki pemberian dari sisi kami ? (Benar, kami telah menjadikan semuanya itu), tetapi kebanyakan mereka tidak memikirkan perkara itu untuk mengetahuinya (serta bersyukur).

Terjemahan Surah al-Qasas(28):57

Kelima : Faktor yang juga merupakan sebab ingkarnya manusia terhadap Allah SWT adalah kerana mereka menginginkan agar tradisi nenek moyang yang sudah

sehati dan mendarah daging dalam keperibadian mereka supaya dipertahankan, padahal dalam Islam segala macam tradisi yang berasal daripada nenek moyang boleh sahaja dipertahankan selama mana tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Adalah sukar bagi mereka melepaskan tradisi nenek moyang yang bercanggah dengan Islam kerana mereka memiliki fanatisme yang berlebihan terhadap tradisi nenek moyang mereka itu, apatah lagi kalau tradisi tersebut sudah dianggap sebahagian daripada ajaran agama. Apabila ada orang yang menyampaikan kebenaran Islam, maka mereka menganggap bahawa orang tersebut membawa ajaran baru yang sesat sekiranya bercanggah dengan tradisi nenek moyangnya. Adanya yang mengutamakan tradisi nenek moyang sememangnya sudah dikemukakan Allah SWT di dalam al-Qur'an surah *al-Mā'idah* ayat 104 :

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَىٰ مَا أَنزَلَ اللَّهُ وَإِلَىٰ الرَّسُولِ قَالُوا حَسْبُنَا مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ

آبَاءَنَا أَوْ لَوْ كَانَ آبَاؤُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ (١٠٤)

Ertinya : Dan apabila dikatakan kepada mereka : “marilah menurut kepada apa yang telah diturunkan oleh Allah (al-Qur'ān), dan kepada RasulNya (yang menyampaikannya)”, mereka menjawab : “cukuplah bagi kami apa yang kami dapati datuk nenek kami mengerjakannya”. Adakah (mereka akan menurut juga) sekalipun datuk nenek mereka tidak mengetahui apa-apa dan tidak pula mendapat hidayah petunjuk?.

Terjemahan Surah al-Mā'idah(5):104

3.2.3 Krisis Etika

Rasulullah Saw diutus ke dunia ini membawa misi yang sungguh berat iaitu memperbetulkan kehidupan manusia yang pada saat itu sudah sangat menyelseweng. Di mana-mana terjadi pengerusakan, pemaksaan, pemerasan,

penyiksaan dan pelbagai bentuk penganiayaan. Mereka pada saat itu. Bukan hanya tidak mahu menyembah Allah SWT yang esa, malah benar-benar sudah tidak bermoral dalam kehidupannya. Mereka suka menganiaya, enggan hidup berdampingan secara damai. Yang kaya berbuat sewenang-wenangnya terhadap yang miskin, yang kuat menindas yang lemah. Pendek kata, siapa yang kaya menjadi raja dan siapa yang kuat dialah yang berkuasa. Di tengah-tengah umat manusia yang sangat rosak itulah Nabi Muhammad Saw diutus oleh Allah SWT untuk meluruskan kehidupan mereka dan memperbaiki akhlak dan moral mereka. Sabda Rasulullah Saw :

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Ertinya : Sesungguhnya aku diutus oleh Allah SWT hanyalah untuk menyempurnakan keluhuran akhlaq⁷.

Hari ini, ajaran dan budaya Islam sudah mula dinodai oleh tangan-tangan jahil. Ummat Islam sudah ada yang kehilangan identiti dan kehilangan maruah. Budaya-budaya barat yang bercanggah dengan agama Islam sudah mulai diterima oleh sebahagian ummat Islam itu sendiri. Fenomena yang berlaku pada zaman jahiliyah dahulu dapat disaksikan kembali pada abad moden ini.

Kezaliman dan kejahatan terjadi di merata-rata tempat. Judi menjadi cara hidup mereka. Arak dan minuman keras telah beredar di mana-mana. Perzinaan dan pergaulan bebas tidak diambil peduli lagi, hukum sudah tidak berfungsi lagi, keangkuhan dan kesombongan terus menjadi-jadi. Ini semua adalah hasil daripada penjajahan moral yang telah diedarkan oleh dunia sekularisme. Ummat Islam hari

⁷ Anas Bin Malik (1985). *Al-Muwatta'*. *Kitab al-Qadr Bab. Husnu al-Akhlaq* no. Hadith 690. Beirut Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.

ini telah terlena dengan ubat bius sehingga terjadilah krisis moral dan etika di dalam kehidupan mereka.

3.2.4 Krisis *Ukhuwah*

Seperti diketahui, *ukhuwwah Islāmiyah* adalah wadah pemersatu ummah dan ianya adalah suatu strategi untuk mencapai cita-cita di dalam era pembangunan masyarakat penyayang. Akan tetapi, fenomena yang berlaku di dalam masyarakat pada hari ini sangatlah jauh dari pembinaan ukhuwah. Di sana-sini terjadi perpecahan, permusuhan sesama sendiri. Pada akhirnya, dengan melihat pada fenomena ini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa nilai teman dan persahabatan serta kekeluargaan telah mula berkurang atau dengan kata lain telah berlaku krisis ukhuwah di dalam masyarakat hari ini.

Semakin ramai masyarakat individualisme yang lahir pada abad ini, yang suka mementingkan diri sendiri. Persaingan yang kurang sihat terjadi di antara sesama mereka sama ada dalam kehidupan masyarakat di kampung apatah lagi di bandar-bandar besar. Semangat gotong royong semakin berkurang, sikap suka menolong mula hilang, nilai persaudaraanpun terus menurun. Hal ini bercanggah dengan semangat ukhuwah dan bercanggah pula dengan firman Allah SWT di dalam surah *al-ʿAsr* ayat 1-3 :

وَالْعَصْرِ (١) إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ (٢) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ (٣)

Ertinya : Demi masa ! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh, dan mereka

pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar.

Terjemahan Surah al-'Asr(103):1-3

Di dalam surah ini Allah SWT telah mengatakan bahawa semua manusia dalam keadaan kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh dan saling nasihat-menasihati dalam kebenaran dan kesabaran. Perbuatan nasihat menasihati inilah yang selari dengan semangat ukhuwah di dalam masyarakat.

3.3 Keluarga Yang Tidak Menjalankan Peranannya.

Keluarga merupakan komuniti kecil yang memainkan peranan penting dalam pembentukan pribadi dan tingkah laku seseorang. Keluarga juga menjadi sumber utama yang mempengaruhi arah perkembangan seseorang. Ibu bapa adalah merupakan orang yang paling rapat semenjak seseorang itu dilahirkan. Sebagai orang tua, ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk membentuk, mendidik, menunjuk arah kepada anak-anak mereka yang bermula sejak anak-anak itu lahir ke dunia.

Sabda Rasulullah Saw :

ما من مولد الا يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسانه

Ertinya : Setiap bayi yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah (suci). Maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya sama ada yahudi, nasrani, ataupun majusi⁸.

⁸ Imām Abi al-Husain Muslim Bin al-Hajjāj (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim J.4 Kitāb al-Qadr, Bab : Ma'na Kullu Maulūd Yuladu 'Ala al-Fitrah* no.Hadith 22 (2658), Misr Dar al-Ihya al-Turath al-'Arabi.

Islam sebagai agama yang syumul, memberikan panduan-panduan yang begitu terperinci sekali dan mencakup segenap aspek kehidupan manusia. Sebagai contoh, pembentukan pribadi dan penanaman roh Islam seseorang itu telah dimulai dari awal lagi, iaitu dari proses hubungan intim suami istri yang mesti dimulai dengan do'a, agar terhindar dari gangguan syaitan, sehingga anak yang akan dilahirkanpun akan selamat dari pengaruh syaitan.

Kemudian semasa dalam proses kehamilan, sang ibupun dianjurkan banyak-banyak beribadah dan menjaga akhlak dan tingkah lakunya agar memberi contoh dan ikutan yang baik bagi bayi yang dikandungnya. Kemudian ketika seorang bayi lahir, maka sunat diazankan ditelinganya yang kanan serta diqamatkan di telinga kiri. Sehingga setiap bayi yang lahir itu sebagai manusia baru suara yang pertama didengarnya adalah asma Allah SWT, atau bisikan nama yang maha agung di telinganya. Seruan yang diperdengarkan kepada bayi itu akan menjadi ikatan tauhid di hatinya.

Kemudian, apabila anak itu sudah pandai berkata-kata maka ibu bapa dianjurkan untuk mengajarkannya huruf al-Qur'ān sehingga apabila dia dewasa akan menjadi anak yang cintakan kebenaran. Di kala anak itu sudah boleh diajak berfikir, maka ibu bapa dianjurkan untuk mengajarkannya beribadah, sehingga dia akan terbiasa untuk melakukannya. Maknanya, dari kecil lagi, malah semenjak dari dalam kandungan, anak telah memerlukan pendidikan rohaniah dan jasmaniah sebagai penghantaran dan pegangan mereka dalam mengharungi kehidupannya.

Pada zaman ini tidak dapat dinafikan bahawa ramai di antara orang tua yang telah mempersiapkan segala-galanya untuk anak mereka apabila dewasa

kelak seperti rumah, kereta dan harta-harta yang lainnya, tetapi mereka lupa untuk memberi dan mempersiapkan bekal yang paling penting untuk anak-anak mereka iaitu kekuatan nilai diri dari segi akhlak yang murni. Sabda Rasulullah Saw :

حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ مُوسَى عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا نَحْلُ وَالِدٌ

وَلَدَهُ أَفْضَلَ مِنْ أَدَبٍ حَسَنٍ

Ertinya : tidak ada pemberian (warisan) yang paling berharga dari seorang ayah untuk anak-anaknya yang lebih utama daripada akhlak mulia⁹.

Mafhumnya, pemberian yang paling berharga dari orang tua untuk anak-anaknya ialah apabila mereka mampu mendidik anak mereka berakhlak mulia.

Jadi apa yang paling penting bagi ibu bapa pada hari ini adalah untuk menanamkan tiga pokok ajaran Islam pada anak sejak mereka kecil lagi, dan ianya adalah benteng yang akan melindungi anak tersebut dari gejala-gejala yang tidak sehat, serta krisis moral yang semakin bermaharajalela¹⁰.

1. Aqidah : Pengenalan secara khusus tentang Allah SWT, sebagai jalan untuk mengeratkan hubungan jiwa mereka dengan Allah SWT melalui ikatan keyakinan yang kukuh.
2. Syariah : Pengenalan tentang undang-undang dan hukum Islam dengan tujuan menjadikan anak sebagai orang yang taat dan patuh kepada peraturan dan undang-undang Allah SWT.

⁹ Abi 'Isā Muḥammad Bin 'Isā Bin Surah (1975). *Sunan al-Tirmizi. J.4 Kitāb al-Birr Wa al-Sillah. Bāb Maja'a Fi Adab al-Waladi*. No. Hadith 1952. Misr Syirkah Maktabah Wa Matba'ah Mustāfa al-Bābi al-Halabi Wa Awlādiḥ.

¹⁰ 'Abd al- Wahhāb Muḥammad (1989). *Pendidikan Dalam al-Qur'an*. (Terj). Judi al-Falasani. Wicaksana Semarang h.28

3. Akhlak : Pengenalan akhlak yang mulia dengan mencontohi akhlak Rasulullah Saw yang menjadi tauladan untuk semua ummat manusia.

Ketiga-tiga komponen aqidah, syariah dan akhlak tersebut merupakan pendidikan yang paling penting di dalam membentuk sifat baik dan moral yang terpuji di kalangan masyarakat. Tanpa didikan ini, manusia tidak mempunyai pegangan hidup dan tidak takut untuk melakukan sesuatu perkara walaupun ianya bertentangan dengan undang-undang. Manusia juga tidak mempunyai nilai kemanusiaan kerana tidak mengenal arti dosa dan pahala, dan mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk memuaskan hati mereka¹¹.

Bila pelajaran agama (aqidah, syariah, akhlak) ditekankan dan anak-anak kuat pegangan agamanya, soal mendidik dan mendisiplinkan anak menjadi lebih mudah. Malangnya di dalam zaman kemajuan yang berlandaskan sains dan teknologi ini, ramai ibu bapa yang lebih gairah melengkapkan anak mereka dengan ilmu sekular dan telah lalai dalam melengkapkan anak-anak mereka dengan pengetahuan agama.

Pelbagai kajian telah dilakukan terhadap anak-anak yang terlibat di dalam penggunaan dadah, dan kajian tersebut menunjukkan bahawa anak-anak yang menagih dadah ini kebanyakannya mereka terdiri dari golongan yang tiada langsung didikan agama. Kurangnya didikan agama menyebabkan seorang anak tidak hormat kepada kewibawaan ibu bapa, mereka tidak mahu menurut kata orang tua

¹¹ Muhammad Riduan Aslie (1990). *Jenayah Di Malaysia, Aliran, Punca, Penyelesaian*. Kuala Lumpur. AMK Interaksi Sdn.Bhd.h.268

dan akhirnya mereka mencari rakan-rakan yang tidak senonoh dan terlibat dengan dadah¹².

Kebanyakan ibu bapa hari hanya menyediakan keperluan anak-anak dari segi jasmani sahaja, manakala dalam soal kerohanian langsung tidak dihiraukan. Dalam hal ini, kebanyakan ibu bapa hanya mengharapkan agar anak-anak mereka mendapatkan pendidikan agama di sekolah semata-mata, sedangkan sistem pembelajaran hari ini banyak memberi penekanan yang kuat di dalam aspek-aspek akademik tetapi mengabaikan soal-soal pembentukan akhlak yang boleh dijalankan melalui penekanan tentang didikan agama. Malah disekolah murid-murid berlomba-lomba untuk mendapatkan markah yang tinggi di dalam mata pelajaran sains, geografi, matematik dan sebagainya, tetapi mereka tidak berminat di dalam mata pelajaran agama.

Ramai anak-anak pada hari ini juga kurang mendapat perhatian dan kasih sayang dari keluarganya, terutama dari ibu bapanya. Kurangnya perhatian dan kasih sayang terhadap anak-anak adalah disebabkan oleh ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan aktiviti-aktiviti mereka sendiri. Jika dilihat fenomena yang berlaku pada hari ini ramai ibu-ibu yang bekerja. Penyertaan ibu dalam bidang kerjaya menyebabkannya terpaksa keluar rumah. Tugas mendidik dan mendisiplinkan anak diserahkan kepada orang lain umpamanya kepada orang gaji. Pengganti ibu adakalanya dapat menjalankan tugas dengan baik dan kadang-kadang pula tidak mampu untuk berbuat yang demikian¹³.

¹² Prof. Madya Dr. Azizan Kassim (1985). *Wanita Dan Masyarakat*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd Kuala Lumpur h.102

¹³ Ibid h.99

Berdasarkan laporan yang didapati dari sekolah Henry Gurney iaitu sekolah yang mendidik remaja atau individu yang melakukan kesalahan-kesalahan di sisi undang-undang dan dikategorikan sebagai “nakal”, maka didapati bahawa lebih dari 50 peratus penghuni sekolah ini berasal daripada keluarga yang kurang memberikan perhatian terhadap anak, sama ada kerana sibuk dengan kerjaya ataupun perceraian ibu bapa¹⁴.

Anak-anak yang kurang mendapat perhatian dan kasih sayang dari ibu bapanya selalu merasa tidak aman, mereka merasa kehilangan tempat perlindungan dan tempat bergantung. Dengan itu mereka mulai menghilangkan diri dari rumah, lebih suka berkeliaran dan mencari kesenangan hidup di tempat-tempat lain. Mereka mulai berbohong dan mencuri untuk menarik perhatian ibu bapa. Atau mereka mula mengembangkan perangai negatif untuk mendapatkan keseronokan dan kepuasan hidup dengan melakukan perkara-perkara yang melanggar undang-undang.

Kekurangan hubungan mesra antara ibu bapa atau penjaga dengan anak-anak menyebabkan anak-anak tersebut merasa terbiar. Setengah-setengahnya bertindak di luar batasan tanpa mendapat tentangan dari ibu bapa. Ini secara tidak langsung menyebabkan mereka terlibat dengan kegiatan-kegiatan anti sosial. Adakalanya ibu bapa sendiri tidak mengetahui keadaan dan perangai buruk anak mereka sendiri, kecuali setelah anak-anak ini telah menjadi terlalu teruk dan mereka telah menjadi remaja-remaja nakal dan jahat. Ada juga ibu bapa yang tidak mengetahui tentang masalah-masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh

¹⁴ Sekolah Henry Gurney Didik Pelajar Nakal. (2004) Majalah Wanita Januari 2004

anak-anak mereka kerana tidak sempat memberi perhatian lantaran kesibukan mereka mencari kekayaan.

Tidak ada anak yang menjadi liar, degil, melawan dan memberontak tanpa ada sebabnya. Kehidupan mereka yang diselubungi dengan tengkingan, herdik, cacian, hidup tanpa kasih sayang atau hanya mendapatnya sekali-sekala dari kedua orang tua atau salah seorang dari mereka boleh menjadikan anak-anak tersebut bersifat agresif, tidak ada keyakinan diri dan selalu menyepikan diri serta anti sosial.

Ada juga anak-anak yang melakukan kejahatan dan perbuatan yang melanggar undang-undang disebabkan mereka ingin membalas dendam terhadap ibu bapa yang bersikap bengis atau ibu bapa yang tidak memberikan kasih sayang ataupun ibu bapa yang tidak berlaku adil terhadap anak-anak mereka. Lalu anak tersebut mencari kebebasan di luar rumah dan berkelakuan jahat untuk menarik perhatian orang lain dan menyakitkan hati masyarakat untuk melepaskan tekanan pada diri mereka¹⁵.

Sebagai kesimpulannya, keluarga memainkan peranan yang begitu penting di dalam membentuk sikap dan kepribadian seorang anak. Malahan dari interaksi-interaksi yang wujud di dalam keluargalah anak-anak mempelajari pelbagai aspek kehidupan di samping pengalaman-pengalaman lain yang diperolehi di luar ruang keluarga. Keluarga yang tidak memainkan peranannya atau fungsinya akan melahirkan anak-anak yang berpotensi untuk menyumbang kepada berlakunya penyakit sosial dan krisis moral. Menurut *Prof. Charles Coulter*, terdapat 5 bentuk

¹⁵ Drs. Sofyan S. Willis (1986). *Problema Remaja Dan Pemecahannya*. Bandung, Penerbit Angkasa h.61

dan corak rumah tangga dan keluarga yang boleh menyebabkan wujudnya kejahatan¹⁶.

- (a) Ahli keluarga yang lainnya juga terdiri dari mereka yang pernah melakukan kejahatan (*immoral*), pemabuk serta pelacur . Atau dengan kata lain rumah tangga yang ada pola-pola jenayah (*criminal*)
- (b) Rumah tangga yang penuh dengan hal-hal *adjustment* sosial sebab perbezaan kepercayaan (agama), adat istiadat, status dan situasi
- (c) Gangguan emosi kerana adanya gejala-gejala iri hati, cemburu, saiz keluarga yang besar, campur tangan pihak lain di dalam rumah tangga, ibu tiri atau ayah tiri, serta tidak ambil berat terhadap rumah tangga.
- (d) Rumah tangga yang menghadapi tekanan ekonomi seperti pengangguran, rendah taraf pendapatan dan ibu mempunyai kerjaya di luar rumah.
- (e) Kehilangan salah seorang daripada orang tua atau kedua-duanya kerana kematian, perceraian dan melarikan diri.

3.4 Persekitaran Yang Semakin Merbahaya.

Lingkungan atau persekitaran adalah dunia kedua yang dimasuki oleh seseorang setelah keluarganya. Persekitaran itu mencakupi masyarakat sekeliling, jiran tetangga, teman-teman sepermainan, lingkungan persekolahan dan lain sebagainya yang berada di sekeliling seseorang.

Keadaan dan cara hidup masyarakat sekeliling sangat mempengaruhi seseorang dalam perilakunya, misalnya di dalam sebuah masyarakat yang

¹⁶ Edwin Hardin Sutherland (1959). *Principle Criminology*. New York. Mac Mullan h.236

keseluruhannya melaksanakan ajaran-ajaran agama, khasnya agama Islam di mana di dalam ajaran Islam itu terkandung tentang seruan untuk berbuat baik, beramal shaleh, tolong menolong dan menegah segala bentuk kemungkaran, maka seseorang yang berada dalam lingkungan seperti itu akan cenderung mengikuti tradisi dan kebiasaan masyarakat sekelilingnya itu.

Namun jika seseorang berada di dalam lingkungan di mana sekelilingnya mempunyai banyak kebiasaan dan tradisi yang bertentangan dengan nilai-nilai moral dan ajaran agama, maka seseorang yang berada di dalam lingkungan seperti ini amat mudah terikut-ikut kebiasaan yang bertentangan dengan nilai-nilai moral dan ajaran Agama. Masyarakat seperti ini biasanya merupakan sumber pelbagai kejahatan, penindasan, kekerasan dan juga keganasan.

Fenomena yang berlaku saat ini adalah suasana dan persekitaran masyarakat ketika ini berhadapan dengan pelbagai masalah jenayah dan krisis sosial. Masalah ini akan bertambah teruk lagi apabila seseorang yang berada di tengah-tengah masyarakat yang bergelimang dengan krisis sosial dan akhlak ini tidak mempunyai bekal yang kuat semenjak dari dalam keluarganya lagi terutama dalam hal pendidikan agama dan akhlak sebelum dia melangkah keluar dari lingkungan keluarganya dan masuk ke dalam dunia keduanya setelah keluarga iaitu persekitarannya atau masyarakatnya.

Beberapa penyelidikan yang telah dijalankan ke atas individu yang terlibat dalam pelbagai kes-kes jenayah, salah laku dan berbagai-bagai kes yang dikategorikan ke dalam penyakit sosial yang bermaharajalela pada hari ini 60

peratusnya menunjukkan bahawa mereka terjebak dalam segala kegiatan-kegiatan ini kerana pengaruh daripada persekitarannya¹⁷.

Orang yang tidak mempunyai bekal iman dan akhlak mulia yang semestinya diberikan oleh keluarganya ini, apabila masuk ke dalam persekitarannya yang penuh dengan gejolak sosial dan pelbagai krisis moral ini seakan-akan tidak mempunyai benteng perlindungan dari serangan negatif persekitarannya, sehingga ia mudah terombang-ambing dan hanyut terbawa arus persekitarannya yang rosak.

Akan tetapi, jika seseorang itu sudah mempunyai bekal didikan agama yang kuat serta akhlak mulia yang didapati dari keluarganya terutamanya ibu bapanya, maka ia akan melangkah selesa keluar dari keluarganya tanpa was-was akan terpengaruh oleh hal-hal negatif yang berlaku di persekitarannya.

Pencegahan terhadap berlakunya kejahatan, krisis moral, keganasan dan penyakit sosial lainnya akan menjadi lebih efektif dengan adanya komitmen dan penyertaan serta penglibatan yang serius dari semua lapisan masyarakat. Dalam hal ini, kesedaran masyarakat tentang pentingnya kerjasama mereka untuk membasmi segala bentuk krisis moral dan penyakit sosial perlu dipertingkatkan.

Menanam keimanan dan pendidikan agama di dalam setiap jiwa masyarakat adalah suatu perkara yang amat penting, selain daripada itu masyarakat itu sendiri tidak boleh berdiam diri kalau-kalau melihat hal-hal yang membahayakan individu lain di persekitarannya, terlebih-lebih lagi hal-hal negatif yang dapat membahayakan generasi mudanya. Sebaliknya mereka mesti

¹⁷ Ghafani Bin Awang Teh (2003). *Kenakalan Remaja Daripada Perspektif Islam*. <http://www.daaawah.com> 12 Desember 2003

mengambil sikap yang positif dengan memberi pengertian dan penerangan kepada perbuatan apa sahaja yang membahayakan sama ada terhadap tata susila atau adat resam dan segala tempat yang boleh menjadi lapangan perbuatan maksiat. Kita sebagai umat Islam mempunyai tanggungjawab yang besar yang memaksa kita untuk menyingkirkan penyakit-penyakit sosial tersebut.

Akan tetapi apabila kita lihat pada persekitaran kita pada hari ini, masyarakat kita dipenuhi oleh orang-orang yang hanya mementingkan hal pribadi mereka sendiri, mereka tidak ambil peduli dan tidak kisah dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka, asalkan kehidupan pribadi mereka tidak terganggu. Rasa individualisma yang tinggi membuat mereka tidak peka dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Ketidakpedulian ini merupakan salah satu punca berlakunya pelbagai krisis moral dan penyakit sosial di dalam masyarakat moden hari ini.

Kesibukan dengan kerjaya dan urusan dunia mereka sehari-hari telah membuat masyarakat moden hari ini tidak peduli dengan keadaan di sekeliling mereka. Malah tidak jarang mereka tidak kenal dengan jiran tetangga walaupun sudah bertahun-tahun hidup di dalam satu lingkungan kejiranan.

Islam telah mengimbuu ummatnya agar menghormati jiran tetangga dan berbuat baik dengan mereka. Sepertimana Firman Allah SWT di dalam S. *Al-Nisā* ayat 36 :

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسْكِينِ وَالْحَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْحَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا (٣٦)

Ertinya : Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua ; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takabbur dan membangga-banggakan diri.

Terjemahan Surah al-Nisā(4):36

Dan Sabda Rasulullah Saw:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال:
من كان يؤمن بالله واليوم الآخر فلا يؤذ جاره ومن كان يؤمن بالله واليوم
الآخر فليقل خيرا أو ليسكت

*Ertinya: Sahabat Abi Hurairah r.a berkata: bahawasanya Rasulullah Saw telah bersabda "Barangsiapa beriman kepada Allah dan hari akhir janganlah menyakiti hati jirannya. Dan barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhir, hendaklah bercakap yang baik atau berdiam diri*¹⁸.

¹⁸ Imām Abi al-Husain Muslim Bin al-Hajjāj (1955). *Saḥīḥ Muslim J.1 Kitāb al-Imān, Bab al-Haththu 'ala Ikram al-Jār...*, No Hadith :75, Misr Dār al-Iḥyā al-Turath al-'Arabī

Islam mengimbuu umatnya untuk saling tolong menolong dan saling hormat-menghormati dengan jiran dan tidak menyakiti hati jiran, semuanya bertujuan agar suasana sekeliling kediaman akan tenteram dan harmoni serta tercipta perpaduan di lingkungan kejiranan tersebut. Suasana yang harmoni ini akan menimbulkan kepedulian kita terhadap apa yang mengganggu ketenteraman dan keamanan suasana sekeliling.

Dengan terciptanya perpaduan, keharmonian dan kepedulian dalam masyarakat, maka akan mudah bagi mereka untuk berganding bahu menolak perkara-perkara negatif yang masuk ke dalam lingkungan mereka dan akan merosak kehidupan mereka. Dengan perpaduan dan keharmonian ini akan membuat masyarakat bersatu hati untuk membanteras penyakit sosial dan krisis moral di sekeliling mereka.

3.5 Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Lemah

Kadar Jenayah, maksiat dan penyakit sosial di dalam masyarakat semakin meningkat dan berkembang dari sehari-kesehari tanpa dapat dikawal dan dibendung lagi. Tempat-tempat perjudian yang merupakan sumber jenayah dan maksiat semakin banyak dilihat yang tumbuh dan berkembang bagaikan cendawan tumbuh di musim hujan. Tempat-tempat pelacuran yang rasmi ataupun di tempat-tempat yang bertopeng bar atau pusat karaoke semakin banyak, walaupun undang-undang sudah mengharamkan perkara-perkara tersebut, akan tetapi dari segi pelaksanaannya atau pengawasan penguatkuasaan undang-undang tersebut masih sangat lemah.

Apabila ibu bapa dan keluarga di rumah serta masyarakat sekeliling telah menjalankan fungsinya untuk menghindarkan ahli keluarganya supaya terhindar dari kegiatan-kegiatan maksiat dan menyalahi nilai-nilai moral, maka pihak yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang juga mempunyai peranan yang besar untuk ikut serta dalam mencegah semakin berkembangnya tempat-tempat yang merupakan sumber maksiat dan gejala sosial.

Pihak-pihak yang mempunyai kuasa semestinya dapat memberikan pengawasan secara menyeluruh dan terpadu dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak-pihak yang sengaja mencabuli undang-undang yang sedia ada yang dapat membawa masyarakat ke arah penyakit sosial yang semakin memprihatinkan.

Pengawasan berterusan haruslah dilakukan sebagai usaha untuk membanteras gejala maksiat. Pengawasan ini perlulah dilaksanakan dengan tegas. Operasi-operasi dan pemeriksaan di tempat-tempat hiburan dan menjadi sarang maksiat mesti lebih kerap dilaksanakan

Penguatkuasaan undang-undang ini adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa untuk melaksanakannya, kerana hal ini adalah merupakan salah satu cara untuk membanteras sarang-sarang maksiat, seperti tempat pelacuran, perjudian yang merupakan punca penyakit sosial pada masa ini. Jikalau hal ini diambil ringan, maka pusat-pusat maksiat akan semakin tumbuh dan berkembang dan akibatnya pula akan semakin sukar untuk keluar dari masalah ini.

3.6 Media Massa Yang Semakin Berani

Zaman moden yang dialami manusia pada hari ini ditandai dengan pelbagai kemajuan di semua bidang. Kemajuan ini ditandai dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin pesat, kesibukan perniagaan korporat dan pasaran saham yang serba canggih, setiap waktu bangunan pencakar langit berteknologi tinggi kian bercambah dimana-mana, teknologi komunikasi yang kian moden sehingga dunia bagaikan tanpa sempadan. Apa yang berlaku di belahan dunia barat dapat disaksikan secara langsung oleh dunia belahan timur pada waktu yang sama dengan menggunakan teknologi canggih. Berita dari seluruh ceruk rantau ini bahkan dari seluruh pelusuk dunia dapat dibaca dan disaksikan setiap hari.

Akan tetapi tidak semua perubahan dan kemajuan ini membawa kebaikan. Banyak juga perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral berlaku hasil dari segala kemajuan ini. Banyak budaya-budaya yang bercanggah dengan adat ketimuran bahkan dengan ajaran agama dan nilai Islam semakin terserap ke dalam kehidupan manusia moden hari ini.

Apa yang mereka lihat, mereka baca, dan menurut mereka hal tersebut adalah merupakan identiti kemodenan akan diserapkan ke dalam kehidupan mereka walaupun ianya bercanggah dengan ajaran Islam, norma-norma akhlak dan adat resam masyarakat timur. Dalam hal ini media massa lah yang banyak memberikan pengaruh kepada mereka yang menganggap dirinya masyarakat moden.

Media massa merangkumi media cetak dan elektronik. Sebenarnya media massa ini bukanlah penyebab utama kepada berlakunya penyakit sosial, atau

penyebab utama seseorang itu berkelakuan liar, apabila media massa ini benar-benar menjalankan fungsinya untuk memberikan informasi dan hiburan sewajarnya kepada masyarakat.

Akan tetapi ia akan menjadi penyumbang kepada terjadinya penyakit sosial dan krisis moral apabila ia keluar dari batas-batas fungsinya dan mendedahkan secara vulgar sesuatu budaya yang dapat merangsang orang yang melihat atau membacanya tertarik untuk meniru apa yang dilihat dan dibacanya itu, sedangkan ianya bercanggah dengan ajaran agama dan nilai moral.

Fenomena yang berlaku pada hari ini, bahan-bahan bacaan, filem-filem dan gambar-gambar yang sengaja membangkitkan nafsu seks, kekejaman dan kebiadapan yang menggairahkan boleh didapati di mana mana.

Pada hakikatnya, dapat dikatakan bahawa media massa dapat membantu mengurangkan kadar maksiat, jenayah dan krisis moral apabila media massa tersebut melakukan hal-hal seperti berikut:

Pertama : Mendidik orang ramai supaya turut bertanggungjawab mencegah merebak dan berkembangnya maksiat, jenayah dan keruntuhan akhlak dengan lebih banyak menerbitkan dan menyiarkan rancangan yang berkaitan dengan akibat buruk perbuatan maksiat serta rancangan atau tulisan yang mendidik orang ramai agar menjauhi segala perbuatan yang dapat meresahkan masyarakat.

Kedua : Menghebahkan kecemerlangan dan kejayaan polis menyiasat, menangkap dan mendakwa orang-orang yang terlibat dengan jenayah dan kegiatan-kegiatan maksiat, sehingga mendatangkan kegerunan orang-orang yang melakukannya.

Ketiga : Menyiarkan berita-berita jenayah dan akibat-akibat yang ditimbulkan oleh perbuatan maksiat bagi tujuan untuk menjadi iktibar kepada orang lain

Keempat : Tidak menyiarkan bahan-bahan tulisan dan penerbitan filem-filem yang dapat membangkitkan nafsu dan bercorak keganasan yang keterlaluan yang boleh merosakkan pemikiran masyarakat.

Kelima : Tidak mendedahkan atau menerbitkan rancangan tentang budaya yang bercanggah dengan ajaran agama dan nilai moral, yang dapat menimbulkan keinginan orang untuk menirunya

3.7 Kesimpulan

Dari pembahasan di atas dapat kita lihat bahawa punca terjadinya penyakit sosial dan krisis moral dalam masyarakat hari ini merupakan suatu yang kompleks. Ianya merupakan kombinasi dari pelaku itu sendiri , keluarganya dan persekitarannya dan juga melibatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkait rapat dengan pemerintah serta media massa. Semuanya ini mesti ditangani secara bersepadu dan memerlukan penglibatan serta peranan aktif daripada semua pihak yang terlibat sama ada individu, institusi keluarga, anggota masyarakat, media massa, ulama dan umara. Dengan kerjasama semua pihak permasalahan ini akan dapat diatasi. Wallāhu ‘A’lam.